


PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE-61

Pengiktirafan graduan IPTA cemerlang akademik

16 terima Anugerah Nadi Negara

KUALA LUMPUR 20 Okt. - Seramai 16 pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menerima Anugerah Nadi Negara pada Perhimpunan Agung Pergerakan Wanita UMNO yang berlangsung di Pusat Dapangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Anugerah yang diperkenalkan pada tahun lalu itu memberi pengiktirafan kepada graduan cemerlang dalam bidang akademik serta ciri-ciri kepimpinan sewaktu mengikuti pengajian di universiti.

ia juga bertujuan melahirkan bakat kepimpinan yang tersemai di kalangan pelajar IPTA.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Ketua Wanita UMNO, Senator Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil kepada semua pelajar terbabit yang menerima piawai, cenderamata dan sijil penghargaan.

Salah seorang penerima anugerah itu, Emma Sofia Zulkifli, 23, berkata, dia terkejut apabila menerima panggilan yang memintanya datang ke PWTC untuk menerima anugerah berkenaan.

Bekas Pelajar Universiti Malaysia Pahang menambah, pengiktirafan itu menjadi semangat untuk terus berjaya dan tidak mudah mengalah dalam menghadapi apa jua cabaran mendatang.

"Penghargaan itu menjadi pendorong untuk saya berbakti kepada masyarakat dan memberi sumbangan berguna kepada rakyat, bangsa dan agama," katanya ketika ditemui di Dewan Tun Hussein Onn, PWTC

di sini hari ini.

Bekas Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Fadilah Abu Hasan, 23, bersyukur dengan anugerah yang diterima itu dan memberi semangat kepadanya untuk berjaya.

Katanya, penglibatannya dalam pelbagai aktiviti persatuan di UTHM bukan semata-mata mahu mengisi masa lapang tetapi juga menyumbang bakti kepada para pelajar lain dan masyarakat.

Dia yang baru sahaja selesai menerima Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi itu berharap dapat bertugas di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

"Saya bercadang untuk bekerja di situ kerana kagum dengan cara kerja Datuk Seri Shahrizat dan ia sesuai dengan jiwa saya yang mahu berbakti kepada masyarakat," jelasnya.

Bagi graduan Ijazah Sarjana Muda Biologi, Universiti Sains Malaysia, Izyan Kamillah Ahmad, 22, penerimaan anugerah itu adalah kejutan bagi dirinya.

Katanya, dia tidak menasarkannya sebarang anugerah sejak mula memasuki universiti kerana niat adalah untuk menumpukan pengajian serta melibatkan aktiviti yang boleh memenuhi masa lapang di kampus.

"Anugerah itu memberi cetusan kepada saya untuk mara ke hadapan dan mendapat sokongan daripada keluarga dan rakan-rakan dalam bidang yang saya ceburi nanti," katanya.



SHAHRIZAT Abdul Jalil beramah mesra dengan penerima Anugerah Nadi Negara Pergerakan Wanita UMNO di PWTC, semalam.